

Peranan besar ibu mantap institusi keluarga

SUNGAI LANG BARU – Hari Ibu sebenarnya lebih bermakna apabila ianya diingati bukan sahaja keluarga sendiri malah tidak kira bangsa dan agama.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Rodziah Ismail berkata, pengiktirafan kepada ibu perlu dibuat dalam usaha meraikan golongan terbabit yang banyak memberi pengorbanan kepada keluarga.

Menurutnya, peranan ibu dalam membesarkan anak-anak seharusnya dipuji apabila ia membesar dengan cemerlang sekali

gus membantu keluarga pada masa akan datang.

"Bagaimanapun, isu melibatkan pembuangan bayi, tiada kasih sayang keluarga dan keruntuhan keluarga turut dikaitkan dengan si isteri sekali gus mendatangkan masalah kepada golongan ini.

"Justeru itu, peranan wanita dalam menjadikan keluarga sebagai benteng keharmonian perlu diteruskan supaya tiadanya masalah negatif berlaku akibat tiadanya didikan agama menjadi punca pembuangan bayi yang sering berlaku pada hari ini," katanya ketika berucap merasmikan Hari Wanita

sempena Hari Ibu Tanjung Sepat di Padang Awam Kampung Sungai Lang Baru.

Hadir sama, Penyalia Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Sepat, Borhan Aman Shah dan Ahli Parlimen Kuala Langat, Abdullah Sani Abdul Hamid.

Rodziah berkata, golongan ibu perlu memajukan peranan untuk terus melihat anak membesar di hadapan mereka tanpa membiarkannya.

"Jika tidak perkara ini akan menyebabkan masalah negatif berlaku dan masyarakat saling menuding jari antara satu sama lain," katanya.



● Antara tetamu khas yang hadir meraikan Program Hari Wanita DUN Tanjung Sepat.